

SOALAN NO: 437

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BERTULIS**  
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN: BERTULIS

DARIPADA: YB TUAN AHMAD NAZLAN BIN IDRIS

SOALAN:

**Tuan Ahmad Nazlan bin Idris [ Jerantut ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan adakah pihak Kementerian bercadang mewujudkan skim simpanan SOCSO yang akan dinikmati oleh pencarum yang tidak pernah membuat sebarang tuntutan sepanjang tempoh caruman apabila mereka bersara nanti.

PR-1351- T00463

## **JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

1. Pada masa ini, caruman kepada Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) pekerja pada kadar 0.5% dan majikan sebanyak 1.75% pada tahap siling gaji caruman bulanan pekerja terhad kepada RM4,000.00 adalah berdasarkan kepada prinsip '*pooling of resources and sharing of risks*' dan caruman tidak dapat dikembalikan kerana dana sedia ada ini akan digunakan untuk membayar tuntutan kepada pencarum yang ditimpa kemalangan termasuk waris tanggungan sekiranya pencarum meninggal dunia.

2. Prinsip "*pooling of resources*" adalah untuk mengumpulkan semua caruman majikan dan pekerja bagi maksud memaksimumkan faedah dan mengurangkan risiko kepada pencarum. Jumlah caruman yang telah ditetapkan mengikut akta merupakan satu perkongsian risiko dengan semua pencarum bagi memastikan keselamatan sosial pekerja dan kesejahteraan pencarum terjamin.

Tuan Yang Di Pertua,

3. Kementerian Sumber Manusia tidak bercadang mewujudkan skim simpanan PERKESO yang akan dinikmati oleh pencarum yang tidak pernah membuat sebarang tuntutan sepanjang tempoh caruman apabila mereka bersara nanti.

4. Kementerian Sumber Manusia juga tidak bersetuju dengan cadangan untuk memulangkan sebahagian daripada caruman kepada pekerja yang tidak ditimpa kemalangan atau bencana sebagai '*non-claim bonus*' kerana dana PERKESO bukanlah suatu '*saving fund for old age*' dan jika ianya dilaksanakan akan memberi implikasi kewangan kepada PERKESO untuk membiayai skim-skim sedia ada pada masa hadapan.

SOALAN ( 438 )

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : YB. TUAN NG WEI AIK  
[ TANJONG ]

**SOALAN :-**

**YB. Tuan Ng Wei Aik [ Tanjong ]** minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan bilangan kes yang telah diselesaikan oleh Tribunal Pengurusan Strata, yang masih dalam pendengaran, yang belum dimulakan pendengaran mengikut zon serta mengikut tahun 2016 dan 2017 berdasarkan tarikh-tarikh kes-kes tersebut difailkan. Apakah KPI yang telah digunakan untuk mempercepatkan kadar penyelesaian terhadap kes-kes tersebut.

## JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bilangan kes Tribunal Pengurusan Strata yang telah diselesaikan, yang sedang dibicarakan dan yang belum dibicarakan mengikut zon bagi tahun 2016 adalah seperti berikut:

<b>Negeri Mengikut Zon</b>	<b>Jumlah Kes Selesai</b>	<b>Jumlah Kes Sedang Dibicarakan</b>	<b>Jumlah Kes Belum Dibicarakan</b>	<b>Jumlah Kes</b>
Ibu Pejabat	1,419	389	496	2,304
Utara	267	59	10	336
Timur	1	0	1	2
Selatan	0	0	0	0
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>1,687</b>	<b>448</b>	<b>507</b>	<b>2,642</b>

Manakala kes Tribunal Pengurusan Strata yang telah diselesaikan, yang sedang dibicarakan, dan yang belum dibicarakan mengikut zon sehingga Februari bagi tahun 2017 adalah seperti berikut:

<b>Negeri Mengikut Zon</b>	<b>Jumlah Kes Selesai</b>	<b>Jumlah Kes Sedang Dibicarakan</b>	<b>Jumlah Kes Belum Dibicarakan</b>	<b>Jumlah Kes</b>
Ibu Pejabat	71	11	137	219
Utara	0	0	19	19
Timur	0	0	0	0
Selatan	0	0	0	0
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>71</b>	<b>11</b>	<b>156</b>	<b>238</b>

Bagi kes-kes yang baru difailkan dan belum dibicarakan, kes-kes tersebut akan diberikan tarikh pendengaran dalam tempoh sebulan dan akan dimaklumkan selewat-lewatnya 14 hari sebelum tarikh pendengaran.

Bagi menjaga kepentingan Pihak Yang Menuntut (PYM) dan Pihak Penentang (PP), *Key Performance Indicator (KPI)* yang ditetapkan bagi Kes

Tribunal Pengurusan Strata adalah penyelesaian kes dalam tempoh 150 hari bekerja dari tarikh pemfailan kes.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,  
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

April 2017

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : **BAGI JAWAB BUKAN LISAN**

**DARIPADA** : **TUAN NG WEI AIK [ TANJONG ]**

**SOALAN** : **439**

**Tuan Ng Wei Aik [ Tanjong ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan rasional Kerajaan Persekutuan yang inginkan Syarikat Prasarana Negara Berhad mengambil alih perkhidmatan feri Pulau Pinang walaupun keperluan menanggung kerugian perkhidmatan feri sudah menjadi suatu syarat utama yang wajib diterima oleh Seaport Terminal (Johore) Sdn. Bhd. Apabila Pelabuhan Pulau Pinang diswastakan kepada syarikat milikan Tan Sri Syed Mokhtar Al-Bukhary.



## JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Penang Port Sdn. Bhd. (PPSB) merupakan pemegang konsesi yang bertanggungjawab terhadap pengurusan dan operasi perkhidmatan feri Pulau Pinang di antara Pangkalan Sultan Abdul Halim (Butterworth) dan Pangkalan Raja Tun Uda (Georgetown).

Sejak pembukaan Jambatan Pulau Pinang, wujud penurunan mendadak terhadap permintaan perkhidmatan feri khususnya segmen penumpang dan kenderaan. Selain itu, kos operasi feri, harga bunker dan kos penyelenggaraan feri yang semakin meningkat telah menyebabkan purata jumlah kerugian operasi feri RM 20 juta setiap tahun sejak tahun 2013. Kerugian ini telah menyebabkan PPSB tidak dapat melabur dalam pemodenan jentera-jentera pelabuhan dalam meningkatkan produktiviti pelabuhan Pulau Pinang.

Bagi memastikan perkhidmatan feri penumpang di antara Pangkalan Sultan Abdul Halim (Butterworth) dan Pangkalan Raja Tun Uda (Georgetown) *viable* dan diteruskan untuk kepentingan pengguna, maka Kerajaan mengambil keputusan untuk melantik syarikat Prasarana Berhad untuk mengambil alih perkhidmatan feri tersebut dengan mengambil kira syarikat tersebut berjaya meningkatkan *ridership* penumpang pengangkutan awam.

Dalam pada itu, Kerajaan berpandangan bahawa syarikat Prasarana mampu mempertingkatkan mutu perkhidmatan feri memandangkan syarikat berkenaan mempunyai pengalaman yang luas dalam sektor pengangkutan awam dan telah berjaya menerajui Rapid Penang dengan baik. Penambahbaikan yang bakal dilaksanakan akan menggunakan konsep *Intergrated Transport Orientation Development* (ITOD) atau Pembangunan Intergrasi Berasaskan Pengangkutan di Pulau Pinang memandangkan perkhidmatan feri merupakan salah satu mod di dalam rangkaian pengangkutan awam Pulau Pinang.

Selain itu, kedua-dua terminal feri yang terletak bersebelahan dengan stesen bas Rapid di Georgetown dan Butterworth merupakan satu faktor utama untuk membolehkan Prasarana merancang jadual perjalanan feri untuk selari dengan jadual perjalanan bas Rapid Penang. Ini bakal meningkatkan jumlah penumpang feri apabila pengguna boleh merancang perjalanan mereka daripada Butterworth ke Georgetown atau sebaliknya.